

KEMPEN “EASY CASH WITH CREDIT CARD-i BANK RAKYAT”

SOALAN LAZIM



1. Apakah itu Kempen “Easy Cash with Card Credit-i Bank Rakyat”?

Kempen “Easy Cash with Card Credit-i Bank Rakyat” adalah satu program promosi berkaitan pengeluaran tunai melalui Kad Kredit-i Bank Rakyat.

2. Bilakah Kempen “Easy Cash with Credit Card-i Bank Rakyat ini dianjurkan?

Bermula 27 Januari 2025 sehingga 30 Jun 2025.

3. Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada semua pemegang kad utama dan tambahan bagi Kad Kredit-i Bank Rakyat kecuali Kad Kredit-i Korporat Bank Rakyat.

4. Berapakah kadar keuntungan yang ditawarkan bagi kempen ini?

Kadar keuntungan yang ditawarkan untuk kempen ini adalah sebanyak 6% setahun atau 0.5% setiap bulan untuk transaksi pengeluaran tunai yang dilakukan dalam tempoh kempen sehingga baki wang tunai dibayar sepenuhnya. (Tertakluk untuk semua saluran pengeluaran tunai).

5. Apakah keistimewaan yang ditawarkan menerusi kempen ini?

- i) Untuk semua pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat (Kecuali Kad Kredit-i Korporat), Kempen ini menawarkan kadar keuntungan istimewa 6% setahun atau 0.5% setiap bulan untuk transaksi pengeluaran tunai yang dilakukan dalam tempoh sehingga baki wang tunai dibayar sepenuhnya. (Tertakluk untuk semua saluran pengeluaran wang tunai).
- ii) Selain daripada permohonan pengeluaran melalui ATM dan Kaunter, kempen ini membolehkan permohonan pengeluaran tunai melalui panggilan telefon yang mana dana akan dipindahkan ke Akaun Semasa- i/Akaun Simpanan-i (CASA) atau ke akaun bank lain melalui *Interbank GIRO* (IBG). Walau Bagaimanapun, jumlah minimum pengeluaran tunai sebanyak RM300.00 (per transaksi) diperlukan bagi permohonan melalui panggilan telefon.
- iii) Tiada caj perkhidmatan dikenakan untuk permohonan pengeluaran tunai melalui panggilan telefon

6. Adakah terdapat sebarang had untuk bilangan transaksi pengeluaran tunai yang boleh dilakukan untuk menyertai kempen ini?

Tiada had ditetapkan bagi bilangan transaksi pengeluaran tunai yang boleh dilakukan oleh pemegang kad.

7. Bagaimanakah jika pemegang kad gagal memenuhi kewajipan mereka untuk membayar ansuran bulanan minimum bagi baki Kad Kredit-i mereka?

Pemegang Kad masih berhak menikmati caj kadar keuntungan sebanyak 6% setahun. Walau Bagaimanapun, Caj Ganti Rugi (Ta'widh') 1% setahun akan dikenakan ke atas jumlah tertinggak (tertakluk pada caj minimum RM10.00 dan caj maksimum RM100.00). Caj ini tidak akan dikompaunkan.

8. Berapakah kadar keuntungan yang dikenakan untuk transaksi pengeluaran tunai SELEPAS tempoh kempen berakhir?

Kadar keuntungan yang dikenakan untuk transaksi pengeluaran tunai selepas tempoh kempen berakhir adalah sebanyak 18% setahun.

9. Berapakah kadar bayaran perkhidmatan yang dikenakan kepada pemegang kad untuk pengeluaran wang tunai yang dilakukan melalui saluran lain?

Kadar fi pengeluaran akan dikenakan kepada pemegang seperti jadual dibawah:

Saluran	Fi Perkhidmatan
ATM / Kaunter Bank Rakyat	<ul style="list-style-type: none">• Bagi semua Kad Kredit-i Bank Rakyat yang lain - 3% daripada jumlah pengeluaran tunai atau RM20, mana yang lebih tinggi.• Kad Kredit-i PDRM - 1.5% daripada jumlah pengeluaran tunai atau RM15, mana yang lebih tinggi.
ATM / Kaunter Bank Lain	Fi sebanyak 5% akan dikenakan ke atas jumlah pengeluaran tunai atau RM20, mana yang lebih tinggi.
Panggilan Telefon	Tiada sebarang bayaran perkhidmatan dikenakan bagi setiap pengeluaran tunai melalui panggilan telefon.

10. Bilakah tunai tersebut akan dikreditkan ke akaun pemegang kad bagi permohonan pengeluaran tunai melalui panggilan telefon?

Wang tunai akan dikreditkan ke Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i (CASA) Bank Rakyat atau ke akaun bank lain melalui Interbank GIRO (IBG) tertakluk pada “cut-off time” seperti jadual dibawah:

Akaun	Waktu Terakhir (<i>Cut-off Time</i>)
Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i (CASA)	a) Panggilan telefon yang diterima sebelum jam 3 petang akan menerima wang tunai pada hari yang sama. b) Panggilan telefon yang diterima selepas jam 3 petang akan menerima wang tunai pada hari bekerja berikutnya.
Akaun bank lain melalui <i>Interbank GIRO</i> (IBG)	Pemegang kad akan menerima wang tunai dalam tempoh 3 hari waktu bekerja.

11. Bagaimakah pemegang kad ingin membuat permohonan pengeluaran tunai melalui panggilan telefon?

Pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat yang ingin membuat permohonan pengeluaran tunai melalui panggilan telefon boleh menghubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-2696 6880.

12. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?

Maklumat lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

- Laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my
- Perbankan Internet Bank Rakyat di www.irakyat.com.my
- Pusat Panggilan Bank Rakyat: 1-300-80-5454
- Pusat Kad Bank Rakyat: 03-26936880
- Laman media sosial Bank Rakyat (Facebook/Instagram/X)

Soalan lazim kempen ini adalah tertakluk pada terma dan syarat kempen, serta terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa.